ASWAN MUHAMAD

lwn.

PP & SATU LAGI RAYUAN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MELAKA
AHMADI ASNAWI H
[RAYUAN JENAYAH NO: MT-42 SH(A)-49-2010 &
MT-42H(A)-50-2010]
14 JUN 2012

KETERANGAN: *Saksi - Saksi kanak-kanak - Keterangan bersumpah - Akta Sumpah dan Ikrar 1949 - Sama ada saksi memahami kepentingan mengangkat sumpah untuk bercakap benar - Sama ada saksi memahami konotasi yang berkaitan dengan maksud rogol - Faktor-faktor untuk pertimbangan - Sama ada saksi cukup matang - Akta Keterangan 1950, s. 133A*

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Rayuan terhadap - Perayu disabit atas kesalahan di bawah s. 376 Kanun Keseksaan - Mangsa bawah umur - Hukuman penjara bagi tiga pertuduhan berjalan serentak dari tarikh tangkap - Kesan - Sama ada hukuman patut berjalan secara berasingan*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kanun Keseksaan - Seksyen 376 - Rogol - Mangsa bawah umur - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Hukuman penjara bagi tiga pertuduhan berjalan serentak dari tarikh tangkap - Laporan polis dibuat oleh isteri perayu kerana rasa dendam - Sama ada hakim Mahkamah Sesyen khilaf apabila mengatakan pertuduhan bukan bersandarkan laporan polis isteri perayu - Sama ada pertuduhan adalah hasil siasatan pihak polis - Sama ada mangsa memberi keterangan bersumpah seperti diperuntukkan Akta Sumpah dan Ikrar 1949 - Sama ada isu kedaraan mangsa relevan dalam pembuktian kes rogol - Sama ada hukuman patut berjalan secara berasingan*

Di Mahkamah Sesyen, perayu yang merupakan seorang guru, telah dituduh dengan dua pertuduhan merogol anak muridnya SP5 (berumur 11 tahun 11 bulan) dan satu pertuduhan merogol SP4 (berumur 11 tahun 8 bulan), satu kesalahan di bawah s. 376 Kanun Keseksaan. Atas dapatan Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') bahawa perayu bersalah, perayu telah disabit dan dikenakan hukuman sepuluh tahun penjara bagi tiap-tiap kesalahan dengan perintah hukuman berjalan serentak dari tarikh hukuman

dijatuhkan. Tidak puas hati dengan keputusan tersebut, perayu memfailkan rayuan di sini atas sabitan dan hukuman yang dikenakan manakala pihak pendakwaan pula telah mengemukakan rayuan atas hukuman yang dijatuhkan. Perayu berhujah bahawa pertuduhan-pertuduhan terhadapnya adalah hasil daripada tindak balas dendam isteri perayu ('SP2') membuat laporan polis berkenaan perbuatan perayu dalam merogol SP4 dan SP5. Maka, perayu menyatakan bahawa HMS khilaf dalam dapatannya apabila mengatakan pertuduhan perayu adalah hasil daripada siasatan pihak polis dan bukannya bersandarkan kepada laporan polis SP2. Seterusnya, adalah juga hujahan perayu bahawa HMS telah khilaf dalam keputusannya apabila beliau: (i) tidak menyoal SP4 dan SP5 (kedua-dua berumur lebih daripada 13 tahun semasa memberi keterangan) sama ada mereka memahami kepentingan angkat sumpah untuk bercakap benar atau sebaliknya; dan (ii) tidak memandang keterangan SP4 dan SP5 dari semua sudut di mana penetrasi berlaku secara mudah dan hal berkenaan kedaraan mangsa-mangsa tersebut. Sebaliknya, pihak pendakwaan dalam rayuan mereka berhujah bahawa hukuman sepuluh tahun penjara tersebut adalah tidak memadai memandangkan ketiga-tiga hukuman pemenjaraan diperintah berjalan serentak.

Diputuskan (menolak rayuan perayu; membenarkan rayuan pendakwaan):

(1) Tindakan SP2 membuat laporan polis sewajarnya tidak menjadi isu dan adalah teratur. Adalah sesuatu yang mantap bahawa sesiapa pun boleh membuat laporan polis jika nyata di hadapannya bahawa sesuatu kesalahan atau pelanggaran undang-undang telah berlaku. Lagipun, pihak polis diberi kuasa wajar untuk menyiasat laporan polis tersebut walaupun tidak dilaporkan oleh mangsa sendiri. Laporan polis SP2, jika pun dianggap sebagai laporan maklumat pertama, hanyalah bersifat "corroborative" dan merupakan mekanisma bagi mencetuskan penyiasatan tanpa mengambilkira siapa yang membuat laporan polis tersebut. Oleh sebab itu, HMS betul dalam mendapati bahawa keseluruhan keterangan menunjukkan pertuduhan terhadap perayu adalah hasil daripada siasatan pihak polis dan bukannya bersandarkan kepada laporan polis SP2. (*Herchun Singh v. PP*; dirujuk). (perenggan 9 - 12)

(2) SP4 dan SP5 berumur lebih daripada 13 tahun dan telah memberi keterangan bersumpah seperti diperuntukkan di dalam Akta Sumpah dan Ikrar 1949. Seksyen 133A Akta Keterangan 1950 pula memperuntukkan keadaan di mana seorang kanak-kanak yang berusia muda dipanggil ke mahkamah sebagai seorang saksi. Berdasarkan fakta kes di sini, tidak ada apa-apa dalam keterangan kedua-dua saksi tersebut bahawa mereka tidak memahami kepentingan mengangkat sumpah untuk bercakap benar dan sebaliknya. Mereka juga telah memahami dengan jelas konotasi yang berkaitan dengan maksud rogol dan keterangan ini telah disokong dengan keterangan laporan perubatan. Maka, tidak ada keperluan bagi HMS untuk menyiasat kompetensi SP4 dan SP5 untuk memberi keterangan secara bersumpah kerana jelas bahawa mereka adalah saksi yang cukup matang dan tidak terjumlah dalam kategori saksi "child of tender years". Dengan itu, s. 133A tidak terpakai ke atas mereka. (perenggan 19, 20, 23 & 24)

(2a) Jika pun SP4 dan SP5 terjumlah sebagai saksi "of tender years", HMS tidak mempunyai kewajipan untuk membuat siasatan yang sama kerana seperti diputuskan dalam kes *PP v. Chan Wai Heng*, mahkamah mempunyai budi bicara untuk membuat kesimpulan sendiri sama ada seseorang kanak-kanak itu mempunyai pemahaman dan kecerdikan yang mencukupi untuk melayakkannya menjadi saksi yang kompeten. (perenggan 24)

(3) Isu kedaraan kedua-dua SP4 dan SP5 tidak pernah ditimbulkan oleh pihak pendakwaan mahupun pihak pembelaan ke atas mana-mana saksi terutamanya SP4 dan SP5 sendiri semasa mereka memberi keterangan. Isu kedaraan adalah tidak releven di dalam pembuktian kes rogol. Apa yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan adalah terdapatnya kemasukan/penetrasi kemaluan perayu ke dalam kemaluan mangsa-mangsa tanpa mengambilkira sama ada kemasukan tersebut berlaku secara mudah atau sukar. Intipati ini telah dibuktikan dengan secukupnya tanpa keraguan munasabah oleh pihak pendakwaan. (perenggan 35)

(4) Rayuan perayu supaya hukumannya dikurangkan harus ditolak kerana (i) perbuatan perayu amatlah zalim, tidak bertimbang rasa dan telah meninggalkan trauma yang berkekalan terhadap mangsanya; (ii) perayu telah mengambil

peluang dan kesempatan dari kedudukannya sebagai guru untuk memuaskan nafsu serakahnya ke atas pelajar-pelajar sendiri; (iii) perayu telah memecahkan amanah yang diletakkan di atas bahunya oleh ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah tersebut; dan (iv) jenayah yang dilakukan adalah serius dan berat di mana s. 376(2)(e) Kanun Keseksaan terpakai untuk menghukum perayu. Oleh itu, tidak wujud "extenuating circumstances" yang mewajarkan hukuman dilunakkan selain dari hukuman pemenjaraan yang berbentuk "deterrent". (perenggan 40)

(5) HMS telah khilaf dari sisi undang-undang apabila beliau memerintahkan bahawa ketiga-tiga hukuman bagi ketiga-tiga pertuduhan dijalankan serentak. Ini adalah kerana, ketiga-tiga pertuduhan tersebut melibatkan kesalahan, mangsa-mangsa, tarikh serta waktu yang masing-masing berbeza. Maka, pada prinsipnya, kesalahan-kesalahan yang berbeza hendaklah dijatuhkan hukuman yang berasingan. Jika hukuman berjalan serentak, ia akan memberi gambaran bahawa perayu tidak dihukum bagi dua kesalahan lain yang "distinct" tersebut dan tidak akan memberi sebarang keadilan kepada kedua-dua mangsa dalam kes ini (*Mohd Zandere Arifin v. PP*; diikuti). (perenggan 40 & 43)

[Ketiga-tiga hukuman sepuluh tahun pemenjaraan diperintah dijalankan secara berasingan. Perayu juga dikenakan hukuman sebatan dengan rotan sebanyak enam kali bagi setiap satu pertuduhan.]

Kes-kes yang dirujuk:
Arumugam Mothiyah v. PP [1995] 1 CLJ 58 HC ***(dibezakan)***
Emperor v. Kuwaja Nazir Ahmad AIR 1945 PC 18 ***(dirujuk)***
Herchun Singh & Ors v. PP [1969] 1 LNS 52 FC ***(dirujuk)***
Mohd Zandere Arifin v. PP [2006] 5 CLJ 663 HC ***(diikuti)***
PP v. Chan Wai Heng [2008] 5 CLJ 805 CA ***(dirujuk)***
PP v. Yap Huat Heng [1986] 1 CLJ 81; [1986] CLJ (Rep) 645 HC ***(dirujuk)***
R v. Sargent [1974] 60 Cr App R 74 ***(dirujuk)***
Yusaini Mat Adam v. PP [2000] 1 CLJ 206 HC ***(dibezakan)***

Perundangan yang dirujuk:
Evidence Act 1950, s. 133A
Penal Code, s. 376(2)(e)
Oaths And Affirmations Act 1949, ss. 8, 14

Bagi pihak perayu - T/n Andrew & Assoc

Dilaporkan oleh Kumitha Abd Majid

PENGHAKIMAN

Ahmadi Asnawi H:

[1] Perayu (Aswan bin Muhamad) yang pada waktu yang material tersebut bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Kebangsaan Selandar, Jasin, telah dituduh merogol dua orang anak muridnya, SP4 dan SP5, suatu kesalahan di bawah s. 376 Kanun Keseksaan (KK).

[2] Dalam kes Mahkamah Sesyen No. 61-6-2003, perayu telah dituduh dengan dua pertuduhan merogol SP5 pada awal bulan Mei 2003 pada kira-kira jam 5.30 petang di dalam Stor Sukan sekolah di atas dan sekali lagi juga pada awal bulan Mei 2003 pada kira-kira jam 5.30 petang di dalam Bilik Rehat Guru, sekolah yang sama. Pada waktu yang material tersebut, SP5 berumur 11 tahun 11 bulan.

[3] Dalam kes Mahkamah Sesyen Melaka No. 61-7-2003 perayu telah dituduh dengan satu pertuduhan merogol SP4 juga pada awal bulan Mei 2003 pada kira-kira jam 5.00 petang di Bilik Rehat Guru, sekolah yang sama. Pada waktu itu, SP4 berumur 11 tahun 8 bulan.

[4] Kedua-dua kes di atas telah dibicarakan secara bersama (jointly) oleh Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) yang bijaksana.

[5] Perayu telah didapati bersalah dan sabit dengan kesalahan di atas ketiga-tiga pertuduhan tersebut dan telah dihukum penjara selama sepuluh tahun bagi tiap-tiap kesalahan tersebut tanpa dikenakan hukuman sebatan dengan rotan. Di samping itu ketiga-tiga hukuman pemenjaraan selama sepuluh tahun tersebut telah diperintahkan supaya berjalan dengan serentak bermula dari tarikh hukuman dijatuhkan.

[6] Di atas sabitan dan hukuman inilah perayu telah memfailkan rayuan ini. Pendakwaraya yang terhormat juga telah mengemukakan rayuan di atas hukuman yang dikenakan tersebut atas alasan hukuman tersebut tidak mencukupi.

Alasan-alasan Rayuan Perayu Di Atas Sabitannya

[7] Dalam rayuan ini peguambela yang bijaksana bagi pihak perayu telah mengunjurkan isu-isu berikut sebagai asas rayuannya:

> Peguambela yang bijaksana menghujah bahawa pertuduhan-pertuduhan yang dikenakan ke atas perayu adalah hasil dari tindakan balas dendam isteri perayu sendiri, SP2, yang telah

mendesak ibubapa mangsa-mangsa, menemui mangsa-mangsa dan pihak sekolah supaya mengambil tindakan melaporkan kepada polis perbuatan perayu merogol SP4 dan SP5. Setelah mendapati pihak sekolah lambat bertindak beliau sendiri telah membuat laporan polis (exh. P2, ms. 295 Rekod Rayuan (RR)). Peguambela yang bijaksana menghujah tindakan SP2 yang pada ketika itu mempunyai masalah rumahtangga dengan perayu didorong semata-mata oleh motif jahat/balas dendam dan beliau telah mengambil peranan yang aktif untuk memastikan perayu di hantar ke penjara. Maka peguambela yang bijaksana menghujah lanjut bahawa HMS yang bijaksana khilaf dalam alasan keputusannya bila mengatakan bahawa keseluruhan keterangan telah menunjukkan pertuduhan terhadap perayu adalah hasil daripada satu siasatan oleh pihak polis dan bukan bersandarkan kepada laporan polis SP2.

[8] Sehubungan dengannya memang keterangan menunjukkan dengan jelas peranan yang dimainkan oleh SP2 sehingga terbongkarnya kes ini ekoran dari tindakannya menghubungi mangsa-mangsa, ibubapa mangsa-mangsa, pihak sekolah dan pada akhirnya membuat laporan polis exh. P2 tersebut. Keterangan juga menunjukkan SP2 mempunyai masalah dengan suaminya (perayu) dan SP2 sendiri mengakui laporan polis tersebut dibuat kerana beliau marah dengan perayu yang telah menipunya dengan mengadakan hubungan sulit dengan mangsa-mangsa. Ditambah pula sebelum itu perayu telah mengadakan hubungan sulit dengan seorang pelajar Tingkatan 5, di sebuah sekolah yang lain.

[9] Namun pada hemat saya apa juga sejarah yang melatari tindakan SP2 membuat laporan polis tersebut, ianya sewajarnya tidak menjadi isu. Ini kerana adalah sesuatu yang trite bahawa sesiapa pun boleh membuat laporan polis jika nyata di hadapannya sesuatu kesalahan atau pelanggaran undang-undang telah berlaku. Pihak polis pula diberi kuasa wajar untuk menyiasat laporan polis tersebut walaupun laporan polis tersebut tidak dilaporkan oleh mangsa sendiri. Seterusnya pihak polis boleh serta mempunyai segala kuasa untuk menyiasat apa jua kesalahan yang dikatakan telah dilakukan walaupun tidak ada laporan polis dibuat oleh mana-mana pihak, kerana laporan maklumat pertama bukanlah pra syarat untuk membolehkan pihak polis melancarkan siasatan - sila lihat *Emperor v. Kuwaja Nazir Ahmad* AIR 1945 PC 18.

[10] Tambahan pula laporan polis oleh SP2 tersebut, jika pun dianggap sebagai laporan maklumat pertama, hanya bersifat corroborative dan hanyalah mekanisme bagi mencetuskan (trigger)

sesuatu penyiasatan tanpa mengambilkira siapa yang membuat laporan polis tersebut dan di bawah klasifikasi apa penyiasatan itu dijalankan - sila lihat *Herchun Singh & Ors v. PP* [1969] 1 LNS 52.

[11] Maka laporan polis yang dibuat oleh SP2 adalah teratur. Pihak polis yang bertindak menjalankan siasatan ke atas laporan polis tersebut yang pada akhirnya membuahkan ketiga-tiga pertuduhan terhadap perayu tersebut adalah juga teratur. Mengamati keseluruhan keterangan yang dikemukakan di mahkamah, adalah nyata bahawa pihak polis tidak bertindak membuta tuli menerima laporan polis SP2 atau keterangannya semata-mata tetapi telah menyiasat laporan tersebut secara menyeluruh dengan menyiasat saksi-saksi, menyiasat tempat kejadian dan mengumpulkan keterangan-keterangan forensik yang lain termasuklah penyiasatan klinikal oleh pakar-pakar perubatan. Ketiga-tiga pertuduhan ke atas perayu yang dicetuskan oleh laporan polis SP2 adalah hasil dari penyiasatan yang mendalam ini, bertepatan dengan apa yang dinyatakan dalam kes *Herchun Singh (supra)* "... the first information report is not an encyclopedia; it is not the beginning and the ending of every case. It is only a complaint to set the affairs of law and order in motion. It is only at the investigation stage that all the details can be gathered and filled up".

[12] Dalam keadaan sebegini, HMS yang bijaksana adalah betul bila beliau mendapati bahawa keseluruhan keterangan menunjukkan pertuduhan-pertuduhan terhadap perayu adalah hasil dari suatu penyiasatan oleh pihak polis dan bukan bersandarkan kepada laporan polis SP2 semata-mata, walaupun pada hemat saya, yang lebih tepat ialah penyiasatan tersebut telah dicetuskan oleh laporan polis SP2.

[13] Seterusnya keterangan juga menunjukkan bahawa SP2 tidak secara membuta tuli membuat laporan polis tersebut walaupun beliau mempunyai masalah dengan suaminya, perayu. Pada asasnya SP2 berasa sangsi dengan sikap perayu yang berubah dan hanya mengesyaki perayu mempunyai hubungan dengan anak muridnya apabila nampak perayu bertukar cincin dan jam tangan di samping nampak perayu bercakap dalam telefon. Walau bagaimanapun SP2 telah menyiasat apa sebenarnya yang berlaku dan dengan dibantu oleh SP8, adiknya sendiri yang bersekolah di sekolah yang sama dengan SP4 dan SP5, dan ibubapa mangsa, barulah terbongkar perihal kejadian rogol tersebut.

[14] Sungguhpun begitu SP2 tidak terus melaporkan kepada pihak polis tetapi telah membuat aduan kepada pihak sekolah terlebih dahulu untuk mendapatkan kepastian. Hanya setelah beliau pasti tentang kejadian yang menimpa SP5 melalui pengakuan SP5 kepada guru sekolahnya SP9, barulah SP2 membuat laporan polis pada 19 Jun 2003 setelah pihak sekolah berlengah-lengahan atau enggan untuk berbuat demikian.

[15] Walau apapun yang mendorong SP2 untuk membuat laporan tersebut, beliau adalah berhak untuk membuat laporan tersebut, walaupun ianya melibatkan suaminya sendiri. Ianya sama sekali tidak menjadikan SP2 sebagai seorang saksi yang mempunyai motif jahat untuk menganiaya perayu. Lainlah sekiranya SP2 telah berpakat serta berkonspirasi dengan SP4 dan SP5 untuk menganiaya perayu dan telah mengajar SP4 dan SP5 apa yang perlu dicakapkan kepada pihak polis atau semasa memberi keterangan di mahkamah untuk memerangkap perayu atau menjamin sabitan ke atas perayu. Berdasarkan nota-nota keterangan, saya berpuashati bahawa selain daripada tindakan-tindakan proaktif SP2, tidak wujud sebarang keterangan SP2 telah berpakat dengan SP4 dan SP5 serta mengajar kedua-dua mereka apa yang perlu dicakapkan kepada polis atau mahkamah untuk memerangkap perayu.

[16] Tindakan-tindakan proaktif yang diambil oleh SP2 tersebut tidak negate fakta bahawa SP4 dan SP5 telah dirogol oleh perayu. Tindakan-tindakan tersebut juga tidak membawa sebarang prejudis kerana asas sabitan seperti didapati oleh HMS yang bijaksana adalah berdasarkan kepada keterangan mangsa-mangsa, saksi-saksi yang releven dan keterangan forensik yang menyokong keterangan mangsa-mangsa. Seperti dinyatakan terdahulu tindakan-tindakan SP2 yang berakhir dengan laporan polisnya tersebut hanyalah pencetus kepada siasatan yang dilakukan oleh pihak polis.

[17] Atas segala alasan-alasan di atas saya mendapati bahawa alasan rayuan ini sesungguhnya tidak mempunyai sebarang merit.

[18] Peguambela yang bijaksana menghujah HMS yang bijaksana telah gagal dengan tidak menyoal mangsa-mangsa sama ada mereka memahami kepentingan angkat sumpah untuk bercakap benar atau sebaliknya. Beliau juga merujuk kepada peruntukan-peruntukan ss. 8 dan 14, Akta Sumpah dan Ikrar 1949 dan s. 133A Akta Keterangan 1950 untuk memperkuatkan hujahnya.

[19] Sehubungan dengannya semasa memberi keterangan SP4 dan SP5 berumur lebih dari 13 tahun dan sedang belajar dalam tingkatan 1 di Sekolah Menengah Selandar, Jasin. RR menunjukkan dengan jelas kedua-dua saksi ini telah memberi keterangan dengan bersumpah seperti diperuntukkan di dalam Akta Sumpah dan Ikrar 1949 iaitu bersumpah untuk bercakap benar dan tiada yang tidak benar melainkan benar-benar belaka.

[20] Seksyen 133A Akta Keterangan 1950 pula memperuntukkan keadaan di mana seorang kanak-kanak yang berusia muda (child of tender years) dipanggil ke mahkamah sebagai seorang saksi. Jika kanak-kanak tersebut tergolong dalam kategori kanak-kanak yang berusia muda, maka prosedur di bawah s. 133A tersebut adalah terpakai.

[21] Maka persoalan yang timbul ialah sama ada SP4 dan SP5 tergolong dalam kategori kanak-kanak yang berusia muda dan jika jawapannya adalah positif, bagaimanakah s. 133A itu terpakai ke atasnya.

[22] Sehubungan dengan isu ini saya merujuk kepada kes *PP v. Chan Wai Heng* [2008] 5 CLJ 805 yang menyatakan:

> In yet another decision Konst. 115256 Ridzuan bin Ismail (Criminal Appeal No. 42-10-1994 - unreported) Ahmad Hj Maarof J (now JCA) dealt with a similar issue on the reception of the evidence of a witness who was then 15 years and the application of s. 133A. He stated:
>
> > Di dalam menilai seksyen 133A, seksyen 118 Akta Keterangan hendaklah juga diambilkira. Seksyen 118 memperuntukkan bahawa semua orang adalah layak untuk memberi keterangan secara bersumpah melainkan mereka dihalang dari memahami soalan yang ditanya, atau dihalang dari memberikan jawapan yang rasional atas sebab umur muda mereka, umur mereka yang sangat tua, atau disebabkan oleh apa-apa penyakit. Tidak ada had umur tertentu yang ditetapkan untuk menentukan samada seorang kanak-kanak itu layak memberi keterangan secara bersumpah kerana kanak-kanak yang sama umur boleh mempunyai perkembangan mental dan kebolehan yang berbeza untuk memahami soalan-soalan serta memberi jawapan-jawapan rasional. Oleh itu mahkamah mempunyai budibicara untuk membuat kesimpulan samada seseorang kanak-kanak itu mempunyai pemahaman dan kecerdikan

A yang mencukupi untuk melayakkannya menjadi saksi yang kompeten dan untuk tujuan ini adalah tidak wajib bagi mahkamah itu untuk menjalankan siasatan awal (lihat *R v. Nafar*, 41C 406; 18 CWN 147; 1939, 2 Col 569; *Lakhan v. R*, 20 P 898; A 1942 P 183).

B **[23]** Pada hemat saya otoriti ini terpakai untuk kes di hadapan saya ini. Kedua-dua mangsa (SP4 dan SP5) telah pun berumur lebih dari 13 tahun ketika memberi keterangan dan sedang meneruskan pengajiannya di dalam Tingkatan 1. Tidak ada apa-apa dalam keterangan kedua-dua saksi ini bahawa mereka tidak
C memahami kepentingan mengangkat sumpah untuk bercakap benar atau sebaliknya. Mereka telah memberi keterangan dengan meyakinkan, mantap serta konsisten. Juga tidak ada apa-apa dalam keterangan mereka yang "inherently incredible atau improbable". Mereka dapat memahami dengan jelas konotasi yang berkait
D dengan maksud rogol yang melibatkan kemasukan kemaluan lelaki ke dalam kemaluan perempuan dan mereka menyatakan dengan jelas mereka nampak dan terasa kemaluan perayu masuk ke dalam kemaluan mereka. Malah keterangan mereka disokong dengan mencukupi oleh keterangan SP6, SP7, SP8, SP9 dan keterangan
E perubatan daripada SP13 dan SP15 serta eks. P11 dan P12 (laporan perubatan). Adalah jelas bahawa SP4 dan SP5 adalah saksi yang cukup matang, tidak terjumlah dalam kategori saksi "child of tender years". Dengan itu s. 133A tersebut tidak terpakai ke atas mereka.

F **[24]** HMS yang bijaksana, setelah melihat dan mendengar sendiri kedua-dua saksi tersebut telah menyimpulkan bahawa keterangan kedua-dua saksi tersebut tidak menimbulkan sebarang keraguan seperti mana dapatannya di para. 6 ms. 15 dan 16 RR. Ini
G merupakan dapatan-dapatan fakta HMS yang bijaksana setelah mendengar dan melihat sendiri kedua-dua saksi tersebut memberi keterangan di hadapannya dan saya tidak mempunyai asas untuk menganggu dapatan-dapatan fakta ini. Maka tidak ada keperluan bagi HMS yang bijaksana untuk menyiasat kompetensi kedua-dua
H saksi ini untuk memberi keterangan secara bersumpah kerana kedua-dua saksi ini merupakan saksi-saksi yang cukup matang dan tidak terjumlah sebagai saksi-saksi "of tender years". Jika pun saksi-saksi ini terjumlah sebagai saksi "of tender years" tidak ada juga kewajipan untuk HMS yang bijaksana membuat siasatan yang sama
I kerana seperti diputuskan dalam *PP v. Chan Wai Heng (supra)*, mahkamah mempunyai budi bicara untuk membuat kesimpulan sendiri sama ada seseorang kanak-kanak itu mempunyai pemahaman dan kecerdikan yang mencukupi untuk melayakkannya menjadi saksi yang kompeten.

[25] Dua otoriti yang dirujuk oleh peguambela yang bijaksana nyata tidak releven untuk kes di hadapan saya ini. Kes *Yusaini Mat Adam v. PP* [2000] 1 CLJ 206 nyata harus dibezakan kerana saksi kanak-kanak di dalam kes tersebut berusia muda (tender years), baru berumur 11 tahun dan keterangan saksi kanak-kanak tersebut jelas menunjukkan ketidakmatangan apabila sering menukar keterangan dan perubahan-perubahan emosi yang ketara semasa memberi keterangan. Keterangan saksi-saksi dalam kes di hadapan saya tidak dicemari dengan kecacatan-kecacatan seperti ini.

[26] Kes *Arumugam Mothiyah v. PP* [1995] 1 CLJ 58 melibatkan keadaan di mana hakim bicara mendapati saksi kanak-kanak tersebut tidak memahami sifat sumpah yang diberikan dan saksi telah memberi keterangan tanpa bersumpah. Tambahan pula tidak ada keterangan sokongan dikemukakan yang dapat menyokong keterangan saksi kanak-kanak tersebut. Nyata otoriti ini tidak boleh dijadikan sandaran untuk mengenepikan keterangan SP4 dan SP5.

[27] Di atas segala alasan di atas saya juga mendapati alasan rayuan ini juga tidak mempunyai sebarang merit.

[28] Ekshibit P7 adalah pengakuan bertulis perayu yang mengaku telah merogol SP5 yang dibuat semasa siasatan dalaman seperti terkandung dalam eks. P9. HMS yang bijaksana telah menerima masuk ekshibit ini sebagai keterangan setelah satu perbicaraan dalam perbicaraan dijalankan untuk menentukan "voluntariness" pengakuan tersebut. Peguambela yang bijaksana menghujah pengakuan dalam eks. P7 tersebut tidak boleh diambilkira atas alasan hujahan bertulis pihak pembelaan dan hujahan bertulis TPR yang bijaksana tidak dimasukkan/diserta dalam RR. Ini sahaja alasan yang dikemukakan oleh beliau untuk menolak penerimaan masuk (admissibility) eks. P7 berkenaan sebagai keterangan.

[29] Pada hemat saya, peguambela yang bijaksana sepatutnya menghujah semula secara "substantive" di hadapan saya kenapa eks. P7 tersebut sewajarnya tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan dan menunjukkan isu-isu yang releven yang berbangkit dari perbicaraan dalam perbicaraan tersebut yang memihak kepada perayu bagi menyokong hujahannya kenapa eks. P7 tersebut sewajarnya ditolak sebagai keterangan. Beliau gagal untuk berbuat demikian selain daripada mengadu hujahan-hujahan bertulis kedua-dua pihak berkaitan dengan kebolehterimaan masuk eks. P7 hasil daripada perbicaraan dalam perbicaraan tersebut tidak dimasukkan dalam RR.

[30] Pada asasnya perjalanan dan pengendalian perbicaraan dalam perbicaraan tersebut adalah teratur dan sempurna. HMS yang bijaksana telah memberikan alasan-alasan yang kukuh kenapa beliau telah menerima masuk eks. P7 berkenaan sebagai keterangan seperti dinyatakan di perenggan 3 dan 4 di ms. 13 dan 14 RR. Peguambela yang bijaksana gagal serta tidak menghujah langsung untuk menunjukkan di mana HMS yang bijaksana telah khilaf dalam keputusannya tersebut.

[31] Seterusnya yang lebih utama, saya berpendapat jika pun eks. P7 tidak diterima masuk dan diketepikan sebagai keterangan, keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan melalui saksi-saksinya adalah lebih dari mencukupi untuk mensabitkan perayu di atas pertuduhan-pertuduhan yang dikenakan ke atas beliau.

[32] Lagi sekali saya mendapati alasan rayuan ini juga tidak mempunyai merit.

[33] Peguambela yang bijaksana menghujah bahawa HMS yang bijaksana tidak memandang keterangan mangsa-mangsa dan keterangan perubatan dari semua sudut. Beliau memaksudkan semua sudut ini sebagai penetrasi telah berlaku secara mudah bila SP4 dan SP5 menerangkan "... OKT kangkangkan kaki saya dan masuk kemaluannya ke dalam kemaluan saya ...", walhal kedua-dua saksi merupakan pelajar darjah 6 dan boleh dianggap sebagai anak dara. Menurutnya penetrasi yang berlaku secara mudah ini adalah sesuatu perkara yang sukar untuk dipercayai.

[34] Sehubungan dengannya nampaknya peguambela yang bijaksana mengambil pendekatan mudah bahawa sekiranya wanita itu masih anak dara, maka penetrasi semestinya sukar. Namun begitu beliau tidak mengemukakan bukti-bukti saintifik untuk menyokong pendekatannya. Pun begitu beliau tidak juga menyoalbalas PW15, pakar sakit puan, berkaitan dengan isu yang dibangkitkan ini untuk menyokong pendekatannya. Beliau juga tidak mengambilkira kedua-dua mangsa telah dibaringkan dan dikangkangkan dan penetrasi tersebut telah dilakukan tanpa "resistance" dari kedua-dua mangsa.

[35] Seterusnya isu kedaraan kedua-dua SP4 dan SP5 tidak pernah ditimbulkan baik oleh pihak pendakwaan mahupun pihak pembelaan ke atas mana-mana saksi terutama SP4 dan SP5

semasa saksi-saksi tersebut memberi keterangan. Isu kedaraan ini adalah tidak releven di dalam pembuktian kes rogol. Demikian juga penetrasi berlaku secara mudah tidak pernah ditimbulkan kepada mana-mana saksi semasa saksi-saksi tersebut memberi keterangan dan isu ini juga tidak releven di dalam pembuktian kes rogol. Apa yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan ialah terdapatnya kemasukan/penetrasi kemaluan perayu ke dalam kemaluan mangsa-mangsa tanpa perlu mengambilkira sama ada kemasukan itu berlaku secara mudah atau secara sukar. Saya berpuas hati bahawa intipati ini telah dibuktikan dengan secukupnya tanpa keraguan yang munasabah oleh pihak pendakwaan sebagaimana juga dapatan HMS yang bijaksana.

[36] Saya juga berpendapat tidak ada apa-apa yang "inherently improbable" dalam keterangan kedua-dua SP4 dan SP5 dalam diskripsi mereka bagaimana kemasukan kemaluan perayu itu berlaku. Dari nota-nota keterangan nyata sekali TPR yang bijaksana yang mengendalikan perbicaraan ini tidak "go into the details" bagaimana kemasukan itu berlaku, barangkali untuk mengelakkan "further embarrassment" kepada kedua-dua mangsa. Ini adalah pendekatan yang "fair" kepada mangsa-mangsa rogol dan pendekatan ini tidak sama sekali mencacatkan kes pendakwaan. Pun begitu kedua-dua SP4 dan SP5 ada menyatakan kemaluan mereka berasa sakit ketika kemasukan kemaluan perayu berlaku dan ada lendir keluar dari kemaluan perayu selepas perbuatan tersebut berakhir.

[37] Justeru di atas segala alasan seperti diperincikan saya mendapati alasan rayuan ini juga tidak bermerit.

Keputusan Rayuan Di Atas Sabitan

[38] Di atas segala alasan seperti diperincikan dalam keseluruhan perenggan-perenggan di atas, saya mendapati bahawa rayuan perayu di atas sabitannya tidak mempunyai sebarang merit. Dengan itu saya menolak rayuan perayu dan seterusnya mengekalkan keputusan HMS yang bijaksana yang mendapati perayu bersalah dan sabit di atas ketiga-tiga pertuduhan yang dikenakan ke atasnya.

Rayuan Terhadap Hukuman

[39] Perayu memohon hukuman diringankan atas alasan-alasan beliau perlu menjaga anak hasil dari perkahwinannya dengan bekas isteri pertama yang sudah berkahwin lain; menjaga dan menanggung isteri sekarang bersama-sama dengan tiga orang anak;

mangsa-mangsa tidak mengalami trauma untuk meneruskan kehidupan mereka selepas kejadian tersebut; dan sekiranya perayu dipenjarakan, kebajikan anak-anak beliau akan terabai. TPR yang bijaksana pula menghujah hukuman sepuluh tahun penjara tersebut tidak memadai memandangkan ketiga-tiga hukuman pemenjaraan sepuluh tahun tersebut diperintah berjalan serentak.

[40] Setelah menghalusi rayuan perayu dan mengambilkira keseluruhan hal-ehwal keadaan kes, saya menolak rayuan perayu atas faktor-faktor berikut:

(i) Tidak syak lagi bahawa perbuatan perayu ke atas mangsa-mangsa yang merupakan pelajar-pelajarnya sendiri amatlah zalim lagi tidak bertimbang rasa yang meninggalkan trauma yang berkekalan ke atas mangsa-mangsa yang baru berumur 13 tahun lebih. Kedua-dua mangsa menyatakan mereka tidak suka atas apa yang perayu telah lakukan ke atas mereka tetapi tidak berupaya untuk menghalang kerana takut kepada perayu. Ketakutan itu jugalah yang telah menyebabkan mereka merahsiakan perbuatan perayu sehinggalah diterjah oleh SP2.

(ii) Perayu telah mengambil peluang dan kesempatan dari kedudukannya sebagai guru di sekolah berkenaan untuk memuaskan nafsu serakahnya ke atas pelajar-pelajarnya sendiri. Kedua-dua SP4 dan SP5 menyatakan mereka menyukai perayu kerana perayu merupakan seorang guru yang baik dan tidak memarahi mereka. Malah SP5 mendedahkan mempunyai/menyimpan perasaan sayang/kasih kepada perayu dan telah bertukar-tukar hadiah untuk menzahirkan hubungan istimewanya dengan perayu. Namun perayu telah mengambil kesempatan di atas kenaifan kedua-dua mangsanya dengan menjadikan mereka objek seksual bagi memuaskan nafsunya. Nyata perayu berlindung di sebalik kebaikannya untuk mencapai objektif yang keji.

(iii) Perayu telah memecahkan amanah yang diletakkan di atas bahunya oleh ibubapa yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah tersebut untuk belajar. Sebagai guru yang diamanahkan untuk mengajar dan mendidik pelajar-pelajarnya, sepatutnya beliau memenuhi amanah tersebut dengan penuh rasa tanggungjawab dan komitmen dan berusaha bersungguh-sungguh supaya pada suatu hari nanti pelajar-pelajarnya akan menjadi modal insan yang berguna kepada masyarakat dan memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan bangsa dan negara. Namun perayu memilih untuk mengkhianati

amanah tersebut dengan perbuatannya yang amat tidak bertanggungjawab tersebut. Bagaimana ibubapa akan berasa selamat untuk menghantar anak-anak mereka bersekolah jika guru-gurunya, di sebalik panggilan yang cukup mulia, adalah sebenarnya seorang perogol? Malah perangai (conduct) perayu tidak ubah seperti perangai perogol bersiri.

(iv) Jenayah yang dilakukan oleh perayu merupakan jenayah yang serius lagi berat di mana s. 376(2)(e) adalah terpakai untuk menghukum perayu. Ini telah diambil maklum oleh Parlimen yang kemudiannya telah meminda hukuman maksima daripada 20 tahun kepada 30 tahun serta memperuntukkan hukuman minima mandatori lima tahun di samping boleh dikenakan hukuman sebatan dengan rotan. Maka hukuman yang dikenakan setelah mengambilkira segala hal ehwal keadaan kes hendaklah turut mencerminkan kehendak Parlimen yang mewakili seluruh lapisan masyarakat negara ini. Apa-apa hukuman yang sebaliknya hanya menunjukkan kegagalan mahkamah untuk melaksanakan fungsi-fungsi yang telah di "confer" oleh Parlimen.

(v) Jenayah yang serius lagi berat yang dilakukan oleh perayu semestinya mengambilkira kepentingan awam untuk melindungi kanak-kanak seperti mangsa-mangsa dalam kes ini dari kerakusan orang-orang seperti perayu dan orang-orang lain yang memasang niat yang sama seperti perayu. Lebih-lebih lagi jenayah seperti ini yang melibatkan remaja-remaja dan kanak-kanak di bawah umur semakin berleluasa. Semestinya juga jenayah seperti ini adalah terjumlah dalam kategori jenayah di mana kepentingan awam hendaklah mengatasi kepentingan perayu. Ikut apa piawaian sekalipun jenayah ini menuntut satu bentuk hukuman yang "punitative", "retributive" serta "deterrent". Hukuman yang dikenakan tersebut hendaklah mencerminkan "the public's intolerance and abhorrence" ke atas jenayah seperti ini. Lawton LJ dalam kes *R v. Sargent* [1974] 60 Cr App R 74 di ms. 77 menyatakan:

> There is however, another aspect of retribution which is overlooked: it is that society through the courts, must show its abhorrence of particular types of crime and the only way of which they, the courts can do this is by the sentence they pass. The courts do not have to reflect public opinion. On the other hand, courts must not disregard it. Perhaps the main duty of the court is to lead public opinion.

A Pada hemat saya, jenayah yang dilakukan oleh perayu dalam kes ini semestinya terjumlah dalam kategori jenayah yang dimaksudkan oleh Lawton LJ di atas.

(vi) Saya telah menghalusi dengan cermat mitigasi yang diunjurkan
B oleh perayu seperti dinyatakan di atas. Saya mendapati mitigasi tersebut amatlah lumrah yang sepatutnya difikirkan semasak-masaknya oleh perayu sebelum melakukan jenayah-jenayah ini. Tidak wujud "extenuating circumstances" yang mewajarkan hukuman dilunakkan selain dari hukuman pemenjaraan yang
C berbentuk deterrent.

(vi) Saya turut berpendapat bahawa HMS yang bijaksana telah khilaf di sisi undang-undang bila beliau memerintahkan ketiga-tiga hukuman sepuluh tahun penjara bagi ketiga-tiga pertuduhan tersebut dijalankan serentak. Ini kerana ketiga-tiga
D pertuduhan tersebut melibatkan kesalahan yang berbeza, mangsa-mangsa yang berbeza dan tarikh-tarikh serta waktu-waktu yang berbeza-beza. Lebih-lebih lagi ia melibatkan "seriousness and gravity of the offence". Maka pada prinsipnya kesalahan-kesalahan yang berbeza-beza tersebut hendaklah
E dijatuhkan hukuman-hukuman yang berasingan.

[41] Di dalam kes *PP v. Yap Huat Heng* [1986] 1 CLJ 81; [1986] CLJ (Rep) 645 mahkamah menyatakan:

F In the circumstances of the present case I am in full agreement with the submission of the learned DPP that the sentence imposed by the learned President was not only manifectly inadequate but also wrong in law. Where two or more distinct offences had been committed, sentences of imprisonment should not be made to run concurrently. It should only be made concurrent when an offender
G had been convicted of a principal and a subsidiary offence. In all other cases sentences should be made to run consecutively.

[42] Dalam kes *Mohd Zandere Arifin v. PP* [2006] 5 CLJ 663, mahkamah telah memutuskan:

H Although the victim in the 3 charges was the same, and although the offences were perpetrated at the same place, they were perpetrated on 3 different dates within a period of 7 months. In my judgment the sentences passed must truly reflect the fact that in this case the appellant had committed 3 distinct offences of
I incest and that he is being duly punished for the 3 distinct offences. This, to my mind, could only be achieved by ordering the 3 sentences to run consecutively. I realized that the term of

> 18 years imprisonment was almost the maximum sentence which could be imposed for an offence of incest under s. 376B. I also realized that the cumulative effect of the sentences on the appellant (18 years x 3) will have a crushing effect on the appellant. However this must be balanced against the very grave nature of the offences committed by the appellant and the demand of public interest on this type of offences.

[43] Walaupun kes ini melibatkan kes "incest" namun prinsip di sebaliknya adalah terpakai untuk kes di hadapan saya ini. Jika ketiga-tiga hukuman penjara dalam kes ini dijalankan serentak ia memberi gambaran perayu tidak dihukum langsung bagi dua kesalahan lain yang "distinct" tersebut. Pastinya ia tidak memberi sebarang keadilan kepada kedua-dua mangsa dalam kes ini. Keadilan bukan hak perayu/penjenayah semata-mata. Mangsa-mangsa penjenayah juga berhak untuk menuntut keadilan dan berhak mendapat keadilan.

Keputusan Rayuan Terhadap Hukuman

[44] Di atas segala alasan seperti diperincikan di atas dan mengambilkira hal-ehwal keadaan keseluruhan kes ini saya menolak rayuan perayu di atas hukuman yang dijatuhkan ke atas beliau. Atas alasan yang sama juga saya membenarkan rayuan Pendakwaraya yang terhormat dan memerintahkan supaya ketiga-tiga hukuman sepuluh tahun pemenjaraan yang dikenakan bagi setiap pertuduhan di atas dijalankan secara berasingan (consecutively). Saya juga memerintahkan supaya perayu dikenakan hukuman sebatan dengan rotan sebanyak enam kali sebatan bagi tiap satu pertuduhan/kesalahan untuk mencerminkan betapa keji, serius dan "gravity" kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh perayu.